

SENSASI

Ali Puteh puas hati bicara kes saman Nor Hidayah, dapat rasa ada sinar untuk keluarga - "Jangan menyebarkan fitnah... dosanya sangat besar"

Rabu, 19 Mei 2021 3:31 PM

Oleh: **NUR ASYIKIN MAYUDIN**

📷 Ali Puteh menunggu keputusan mahkamah dengan hati terbuka.

EPISOD saman menyaman membabitkan pelawak Ali Puteh dan kakak iparnya, Nor Hidayah Mohd Ali masih berterusan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

Bagaimanapun menurut Ali atau Syed Ali Mubarak Syed Mohd Ridzuan, 32, dia yakin akan ada sinar untuknya di sebalik konflik yang berlaku sejak kematian abangnya, Abam Bocey.

"Alhamdulillah tamat perbicaraan kes saman terhadap saya... tunggu keputusan sahaja nanti! Allah Maha Kaya dan Maha Agung, setahun lebih menunggu dan bersabar dengan ujian ini.

ARTIKEL BERKAITAN: [Ali Puteh bukan penakut! Kes saman Nor Hidayah balu Abam Bocey bermula... sedia pertahan maruah keluarga](#)

"Semoga ada sinar buat keluarga kami... terima kasih semua mendoakan. Cuma berpesan jangan kita menyebarkan fitnah lagi kerana fitnah itu dosanya sangat besar, berbohong juga dosa sangat besar.



Ali bersama peguamnya, Azmir Zakaria (kiri) semasa prosiding di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Selasa.

"Syukur padamu Ya Allah, tersenyum gembira harini. Allah dengar doa mak buat mu arwah Abam... tenang di sana abang," tulisnya di *Instagram*.

Sementara itu menurut peguam yang mewakili Ali iaitu Noorazmir Zakaria, mahkamah menetapkan 18 Jun depan untuk kedua-dua pihak memfailkan hujahan bertulis.

[Sertai fan club Telegram mStar Rojer. Kita boleh borak-borak [DI SINI](#)]

"Semalam kes berlangsung di mahkamah dan merupakan hari terakhir untuk saksi kes Hidayah saman Ali dan kes kedua Ali serta keluarga menyaman Hidayah memberi keterangan.

"Buat masa ini masih belum ada keputusan... mahkamah telah menetapkan 18 Jun depan untuk memfailkan hujahan bertulis bagi kedua-dua kes," katanya kepada *mStar*.

“
Allah dengar doa mak buat mu arwah
Abam... tenang di sana abang.
ALI PUTEH
PELAWAK

Prosiding pada Selasa itu berlangsung di hadapan Hakim Zulqarnain Hassan.

Sebelum ini kes berkenaan sudah didengar di hadapan hakim menerusi prosedur yang diadakan secara dalam talian pada 16 dan 17 Februari lalu.



Ali memfailkan saman balas terhadap Nor Hidayah pada Ogos tahun lalu.

Pada 27 Ogos tahun lalu, Ali atau nama sebenarnya Syed Ali Mubarak Syed Mohd Ridzuan, 32, mengeluarkan saman terhadap Nor Hidayah dan jutawan kosmetik Datuk Seri Aliff Syukri Kamarzaman.

Saman tersebut dikeluarkan oleh Ali selaku plaintif keempat bersama ibunya Sabariah Arshad (plaintif pertama), bapa Syed Mohd Ridzuan (plaintif kedua) dan kakak sulung Sharifah Norwahidah (plaintif ketiga).

Keputusan menyaman itu adalah sebagai tindakan balas terhadap Nor Hidayah yang terlebih dahulu mengeluarkan saman terhadapnya dengan tuntutan jumlah terkumpul mencecah RM900,000.

Nak tengok ke posting kelakar dan macam-macam komen? Follow kami di [Instagram!](#)

Tags/Kata Kunci:

[Ali Puteh](#), [Abam Bocey](#), [Nor Hidayah](#), [kes saman](#), [mahkamah sesyen Kuala Lumpur](#), [saman artis](#)